

WATAK- WATAK DALAM NOVEL *VILA MAYA* DARI SUDUT PSIKOLOGI

Nurhamizah Hashim
Eizah Mat Hussain

Pengertian

Psikologi dalam dunia kesusasteraan bukanlah satu perkara yang baharu sebaliknya telah menjadi asas penciptaan karya sastera sejak zaman Greek, iaitu kira-kira 2000 S.M. Kekuatan karya Aristophanes misalnya, selalu dihubungkan dengan keujudan unsur-unsur dalam dari sudut kejiwaan watak-wataknya. Begitu juga kekuatan karya-karya Shakespeare, banyak bergantung kepada penerapan unsur-unsur psikologi ini sehingga watak-wataknya benar-benar hidup dan berkesan seperti watak Hamlet dan Macbeth (Mana Sikana, 1998: 158).

Antara perkara yang paling penting dalam melihat perwatakan dalam sesebuah karya sastera ialah aspek kejiwaan watak tersebut. Kehidupan manusia yang digambarkan melalui watak-watak yang terdapat dalam karya sastera amat berkait rapat dengan unsur kejiwaan. Pengarang akan sedaya upaya mencipta watak tersebut dengan begitu kreatif serta dipenuhi misteri. Sifat misteri inilah yang perlu dirungkai dan diselongkar oleh pengkaji bagi mendalami sifat dalam atau peribadi sesuatu watak dalam karya sastera.

Lanjutan itu, makalah ini memilih untuk menerapkan Teori Psikoanalisis Sigmund Freud bagi menganalisis psikologi watak-watak yang terdapat dalam novel *Vila Maya* (1997) karya Zakaria Ali. Perbincangan ini akan memberikan tumpuan kepada keseluruhan watak yang memberikan kesan langsung terhadap topik perbincangan. Bagi melancarkan segala perbincangan, makalah membincangkan terlebih dahulu Teori Psikoanalisis Freud secara ringkas.

Teori Psikoanalisis Freud

Psikologi (*psychology*) berasal daripada dua perkataan Greek, iaitu *Psyche* (Psiko) yang membawa maksud jiwa, rohani atau mental manakala *logos* (-logi) membawa makna kajian. Hasil gabungan dua perkataan ini dapatlah dikatakan bahawa psikologi membawa maksud kajian jiwa, mental atau rohani manusia (Mahmood Nazar Mohamad, 2001: 3).

136

William James (1890) mendefinisikan psikologi sebagai sains kehidupan mental manakala John Watson (1919) menyarankan supaya definisi psikologi dikaji semula bagi membolehkannya dilihat dari segi tingkah laku yang berunsur objektif, iaitu yang boleh didaftarkan oleh sistem deria manusia (Mahmood Nazar Mohamad, 2001: 4).

Hasil daripada pandangan dua sarjana itu maka dapatlah disimpulkan bahawa psikologi terbahagi kepada dua, iaitu psikologi sebagai satu kajian yang saintifik dan psikologi mengkaji tingkah laku manusia. Tingkah laku manusia adalah perbuatan yang dapat dilihat melalui sistem deria seperti makan, minum, bersenam dan sebagainya (Mahmood Nazar Mohamad, 2001: 4-5).

Umumnya psikologi dalam sastera ialah kajian mengenai tingkah laku watak atau keperibadian watak sama ada dari aspek emosi, batiniah mahupun kejiwaan para watak yang terdapat dalam sesebuah novel. Hashim Awang misalnya merupakan sarjana awal yang memperkenalkan Teori Psikologi dalam karya sastera Melayu. Beliau telah menghuraikan kritikan psikologi serta istilah-istilah dari teori tersebut. Hashim Awang juga telah menggunakan Teori Psikologi dalam menganalisis novel *Saga*.

Pada abad ke-20, ilmu kemasyarakatan dan ilmu psikologi semakin pesat berkembang. Ilmu ini turut menjadi kegemaran manusia kerana pertaliannya yang amat rapat dengan ciri manusia itu sendiri. Perkara ini telah melahirkan beberapa tokoh psikologi seperti Freud, Jung, Adler, Brill dan lain-lain. Freud merupakan tokoh psikologi yang paling banyak menulis buku berkaitan psikologi yang kemudiannya memberi kesan serta pengaruh kepada para penulis, pengkaji dan pengkritik.

Pada peringkat awal, Freud telah membina suatu teori yang membahagikan akal fikiran manusia kepada tiga lapisan yang berbeza (Amir Awang, 1987:1). Freud membahagikan fikiran manusia kepada alam sadar, alam prasadar dan alam tidak sadar. Konsep alam sadar amat berkaitan dengan semua hal yang berlaku dalam kehidupan serta persekitaran seseorang seperti pengalaman, ingatan, persepsi, sensasi dan sebagainya yang kita sedari secara aktif. Misalnya rasa sepi, duka, sakit, marah, gembira, geram dan lain-lain.

Pada peringkat alam prasadar pula, iaitu seseorang itu tidak tahu atau tidak menyedari sesuatu perkara melainkan jika dia memberikan tumpuan dan perhatian terhadap perkara tersebut. Contohnya detikan jam dalam suasana bisnes sering tidak kedengaran, tetapi jika individu itu memberikan perhatian kepada detikan jam tersebut, dia pasti akan dapat mendengar detikan jam dari saat ke saat.

137